

KENYATAAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA

**IMAN RESEARCH KELUARKAN LAPORAN KAJIAN TENTANG FAKTOR
PENYERAPAN GOLONGAN ROHINGYA DI MALAYSIA OLEH KUMPULAN
PENGGANAS**

**“OVER THE EDGE:
COUNTERING VIOLENT EXTREMISM AMONG VULNERABLE REFUGEE COMMUNITIES IN MALAYSIA”**

Jun 19, 2020, Kuala Lumpur — IMAN Research, dengan kerjasama kerajaan Kanada, telah menjalankan kajian tentang faktor-faktor penarik yang boleh membuat golongan Rohingya yang menetap di Malaysia diserap oleh kumpulan keganasan melampau, seperti Islamic State (IS). Kajian ini mendapati, walaupun kebarangkalian golongan Rohingya untuk diserap ke dalam jaringan pengganas adalah rendah, tetapi faktor-faktor yang boleh membuat mereka bertindak ganas itu wujud. Oleh itu, amatlah penting bagi kerajaan dan keseluruhan masyarakat Malaysia mengambil langkah proaktif untuk membendungnya daripada berlaku dengan membaik pulih keadaan hidup golongan Rohingya di dalam negara ini.

Kajian ini mendapati bahawa jumlah pelarian Rohingya di Malaysia kebelakangan ini semakin meningkat. Sehingga bulan Mac 2020, data daripada UNHCR menunjukkan sebanyak 101,580 pelarian Rohingya berada di Malaysia, berbanding dengan hanya 62,513 orang pada bulan September 2017. Sebagai golongan pelarian terbesar yang melarikan diri daripada tempat asal disebabkan oleh penganiayaan dan penindasan, golongan Rohingya berisiko dieksploitasi oleh jaringan pengganas untuk direkrut menjadi ahli baru.

Ini turut dikhuatiri oleh mantan Ketua Penolong Pengarah Cawangan Khas Bahagian Anti Pengganas (E8), Datuk Ayob Khan, yang menyatakan bahawa ‘krisis Rohingya mungkin diperguna oleh IS untuk merekrut ahli baru untuk organisasi mereka’. Justeru, IMAN merasakan amat penting untuk menganalisa risiko golongan Rohingya direkrut. Interaksi kami dengan golongan Rohingya semasa kerja lapangan bertujuan untuk mengambil tahu keadaan hidup mereka dan sentimen mereka terhadap keganasan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan *shadowing*, perbincangan kelompok sasaran (FGD) dan temu bual mendalam. Ini membolehkan kami mendapat tahu pandangan mereka tentang subjek-subjek tertentu, sambil membina hubungan baik antara penyelidik dan peserta kajian. Walaupun metod ini tidak memberikan tanggapan menyeluruh, tetapi ia memberi ruang kepada golongan Rohingya untuk menyuarakan pandangan serta sentimen mereka di dalam suasana yang selesa dan aman.

Kajian ini tertumpu kepada golongan Rohingya, lelaki dan wanita, yang menetap di Semenanjung Malaysia, berumur sekitar 18 ke 70 tahun. Temu bual, pemerhatian serta FGD dijalankan dengan izin peserta, sambil mengambil kira sensitiviti gender.

Hasil Kajian

Hasil daripada kajian ini boleh dibahagikan kepada empat tema utama:

1) Kerentanan (vulnerability) pelarian

Pelarian Rohingya di Malaysia bukan sahaja ditindas dan didiskriminasi di negara asal. Malah, kumpulan pelarian ini juga menghadapi halangan dalam mencapai keadaan mampu diri di Malaysia. Peserta juga menyebut tentang perkara-perkara lain seperti pendidikan dan masa depan anak-anak, keadaan hidup, hak-hak asasi pelarian, serta perkhidmatan kesihatan.

2) Sentimen terhadap keganasan

Hampir semua pelarian Rohingya di Malaysia menerima diskriminasi, layanan tidak adil serta ditindas di Myanmar, sama ada oleh pihak berkuasa atau kerjasama antara pihak berkuasa dan masyarakat tempatan. Akibatnya, sebahagian kecil pelarian Rohingya menganggap adalah wajar kekerasan digunakan bagi mempertahankan diri dan mengembalikan hak mereka.

3) Perasaan

Pelarian Rohingya di Malaysia menunjukkan perasaan hampa, kecewa, marah, curiga dan terasing. Kebiasaannya, perasaan ini ditujukan kepada kerajaan dan tentera Myanmar kerana menjadi punca kepada krisis yang dihadapi mereka.

4) Rangkaian Rohingya

Hubungan dan interaksi sesama pelarian Rohingya lebih rapat, sama ada sesama komuniti Rohingya dalam negara mahupun luar negara. Interaksi dan hubungan yang berlaku di luar kelompok mereka berlaku sesama warga migran dan penduduk tempatan.

Cadangan

Sebagai penutup, IMAN telah menyatakan beberapa cadangan (lihat laporan penuh) untuk pihak kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan. Cadangan-cadangan ini adalah penting bagi memastikan golongan Rohingya boleh hidup berdikari dan pada masa yang sama, memastikan Malaysia berjaya mengawal risiko radikalisasi golongan rentan dan mudah terdedah terhadap keganasan melampau.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pengarah Program IMAN, Badrul Hisham Ismail di badrulhisham@imanresearch.com.